



PERATURAN-PERATURAN TABUNG KEBAJIKAN INDUSTRI KENAF DAN TEMBAKAU (TKIKT)

*Kemaskini Berdasarkan
Persetujuan YB Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
pada 14 Jun 2022 (Ruj. MPI.100-6/2/13(7))*

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA**

PERATURAN-PERATURAN TABUNG KEBAJIKAN INDUSTRI KENAF DAN TEMBAKAU (TKIKT)

1. TAJUK

- 1.1 Peraturan-peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Tabung Kebajikan Industri Kenaf dan Tembakau (TKIKT).
- 1.2 Peraturan-Peraturan ini diwujudkan di bawah Seksyen 5 (*i*) Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 [Akta 692] dan dikuatkuasakan selepas mendapat kelulusan Menteri.

2. TAFSIRAN

Dalam peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain;

‘Ahli’ ertinya ahli-ahli yang telah sah diterima masuk menjadi ahli mengikut Peraturan-Peraturan TKIKT ini dan merangkumi;

- a. Penanam tembakau atau Penanam kenaf yang berdaftar pada tahun semasa.
- b. Peserta bagi projek-projek di bawah LKTN yang berdaftar pada tahun semasa.

‘Bencana alam’ ertinya keadaan-keadaan seperti kemarau, kebakaran, banjir besar, peperangan, atau keadaan-keadaan yang seumpama yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak atau keadaaan-keadaan yang ditentukan oleh Jawatankuasa TKIKT sebagai bencana alam.

'Sumbangan' ertinya sumbangan atau derma, pemberian wang, barangan dan lain-lain yang dikeluarkan daripada TKIKT atau diterima mengikut peraturan-peraturan ini.

'Suami/Isteri' ertinya suami atau isteri ahli yang sah di sisi undang-undang

'Jawatankuasa' ertinya Jawatankuasa TKIKT

'keluarga ahli' termasuklah: -

- a. isteri
- b. suami
- c. anak-anak yang di bawah tanggungan dan berumur tidak melebihi 21 tahun
- d. anak angkat yang sah di sisi undang-undang

'LKTN' ertinya Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

3. TUJUAN

TKIKT ini diwujudkan untuk membantu meringankan kesusahan/bebanan dan lain-lain kepada ahli: -

- 3.1 Memberi sumbangan kepada isteri/suami/anak yang meninggal dunia;
- 3.2 Memberi sumbangan kepada ahli yang ditimpa kemalangan/sakit yang mendapat rawatan perubatan dan wad;

- 3.3 Memberi sumbangan kepada anak-anak ahli yang mendapat tawaran belajar peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda;
- 3.4 Memberi bantuan kepada ahli bila mana mereka mengalami bencana alam; atau
- 3.5 Bantuan-bantuan lain yang difikirkan sesuai dan dapat membantu ahli.

4. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TABUNG

- 4.1 Mesyuarat Lembaga LKTN akan melantik satu Jawatankuasa TKIKT yang akan mentadbir dan menguruskan TKIKT.
- 4.2 Kuasa-Kuasa dan Kewajipan Jawatankuasa TKIKT
 - a. mencadangkan segala peraturan-peraturan mengenai pelaksanaan TKIKT kepada LKTN;
 - b. meluluskan apa-apa peruntukan sumbangan atau bantuan mengikut had yang dibenarkan oleh LKTN;
 - c. Pengerusi Jawatankuasa TKIKT boleh menggunakan budi bicaranya atas had-had yang ditetapkan oleh LKTN untuk meluluskan apa-apa sumbangan atau bantuan segera atas sebab-sebab tertentu yang perlu disegerakan;
 - d. menjalankan tugas-tugas lain yang perlu bagi menyempurnakan kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh LKTN;

- e. membenarkan penyemakan dibuat ke atas perbelanjaan-perbelanjaan TKIKT serta mengawasi supaya semua akaun dan dokumen-dokumen diuruskan dengan sempurna;
- f. mewujudkan Urus setia TKIKT di Ibu Pejabat LKTN;
- g. Tugas dan tanggungjawab Urus setia TKIKT ialah:
 - i) Mentadbir TKIKT
 - ii) Memproses dan memajukan permohonan untuk kelulusan
 - iii) Urusetia kepada Jawatankuasa TKIKT
 - iv) Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Jawatankuasa TKIKT

5. PUNCA KEWANGAN

Kewangan bagi TKIKT ini diperolehi dari:

- 5.1 Caruman adalah sebanyak RM10.00 bagi setiap tahun semasa.
- 5.2 Sumbangan lain untuk TKIKT termasuk sumbangan daripada kerajaan, sumbangan daripada lain-lain pihak.

6. KELAYAKAN UNTUK MENYERTAИ TKIKT

- 6.1 Kelayakan bagi menyertai TKIKT ini ialah:
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Telah mencapai umur 18 tahun;
 - c. Berdaftar dengan LKTN sebagai penanam kenaf atau tembakau atau berdaftar sebagai peserta bagi projek-projek di bawah LKTN;

- d. Berdaftar sebagai pekerja di pusat proses kenaf atau tembakau

7. TEMPOH PENDAFTARAN

Pendaftaran dibuka dari bulan 1 Januari hingga akhir 31 Disember setiap tahun.

8. TEMPOH SAH CARUMAN

Caruman adalah sah daripada 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun.

9. CARA-CARA PELAKSANAAN TABUNG KEBAJIKAN

9.1. Penyertaan TKIKT

- a) Semua penanam kenaf, penanam tembakau, peserta bagi projek-projek di bawah LKTN atau pekerja di pusat proses kenaf atau tembakau yang berdaftar dengan LKTN boleh menyertai TKIKT.
- b) Setiap ahli yang berdaftar perlu mencarum setiap tahun untuk memastikan mereka layak menerima faedah TKIKT.
- c) Pendaftaran dan caruman dibuat secara terus kepada Urus setia TKIKT yang dilantik oleh Jawatankuasa TKIKT.

9.2 Permohonan Tuntutan Oleh Ahli

- a) Ahli TKIKT layak membuat permohonan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan TKIKT mengikut syarat-syarat dan peraturannya dan diluluskan oleh Jawatankuasa TKIKT.

- b) Ahli atau keluarga ahli yang mengalami malapetaka, kemalangan dan lain-lain kesulitan hidup boleh membuat tuntutan ihsan daripada TKIKT dalam tempoh 30 hari.
- c) Ahli yang mengalami kerosakan tanaman boleh membuat tuntutan dalam tempoh 14 hari dan tertakluk kepada kelulusan khas daripada Jawatankuasa TKIKT.
- d) Sebarang tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat LKTN berdekatan.
- e) Borang permohonan apabila diterima hendaklah diproses oleh Urus setia TKIKT.

9.3. Penyiasatan Oleh LKTN Kawasan Dan Negeri

- a) Kakitangan LKTN di peringkat Kawasan setelah menerima borang tuntutan daripada ahli akan menjalankan siasatan ke atas bencana alam yang berlaku.
- b) Bagi kes kematian ahli, sakit yang dikenakan rawatan rapi dan lain-lain seumpamanya, hendaklah mendapat pengesahan pegawai perubatan yang sah.
- c) Pengarah Negeri atau Pegawai Kawasan LKTN, akan membuat pengesahan dan sokongan ke atas hasil siasatan yang dibuat kakitangannya sebelum dikemukakan kepada Urus setia TKIKT.

9.4. Tindakan Urus setia TKIKT

a) Bencana Alam

Urus Setia TKIKT akan memberikan laporan dan perakuan kepada Jawatankuasa mengenai kerosakan tanaman dan bentuk sumbangan yang perlu diberi untuk pertimbangan Jawatankuasa TKIKT dan kelulusan Lembaga LKTN.

b) Kematian/Kemalangan/Lain-Lain

Selepas mendapat tuntutan daripada LKTN Negeri, Urus setia TKIKT akan menyediakan laporan kepada Pengerusi Jawatankuasa TKIKT dan akan dikemukakan untuk kelulusan.

9.5. Kuasa Meluluskan Tuntutan

a) Bencana Alam dan Bantuan-Bantuan Lain

Jawatankuasa TKIKT setelah mendapat kelulusan Lembaga LKTN.

b) Tuntutan-Tuntutan Lain (seperti JADUAL 1)

Pengerusi Jawatankuasa TKIKT.

10 KADAR SUMBANGAN

10.1 Kadar sumbangan kepada sesuatu permohonan itu bergantung kepada kedudukan kewangan TKIKT.

10.2 Sumbangan atau bantuan seperti di JADUAL 1.

10.3 Kadar di atas adalah bergantung kepada keputusan Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

11 HAD PENGELUARAN WANG TKIKT

Pengeluaran wang TKIKT bagi satu-satu tahun semasa hendaklah tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan wang TKIKT.

12 TAHUN KEWANGAN

Tahun Kewangan TKIKT ini hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

13 PENGGANTUNGAN AKTIVITI

Jika kedudukan kewangan TKIKT ini mengalami kesulitan, maka Jawatankuasa TKIKT hendaklah menggantung aktivitinya sehingga masalah kewangan itu dapat dipulihkan semula.

14 AUDIT

Akaun TKIKT ini hendaklah diaudit setiap tahun.

15 PERTIKAIAN

Jika berlaku sebarang pertikaian di atas tafsiran peraturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa TKIKT.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA

Diluluskan pada

[]

DATUK HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN
Menteri
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

JADUAL 1

SUMBANGAN DAN BANTUAN KEBAJIKAN AHLI TABUNG KEBAJIKAN INDUSTRI KENAF DAN TEMBAKAU (TKIKT)

BIL.	PERKARA		SUMBANGAN	CATATAN
1.	Kematian		RM500.00 (Ahli sahaja) RM300.00 (Suami atau Isteri) RM200.00 (anak) bagi satu-satu tahun semasa.	Pengerusi Jawatankuasa TKIKT
2.	Manfaat Perubatan	Masuk wad	Hari Pertama RM50.00 Hari Kedua dan berikutnya RM30.00 atau maksima bagi ahli RM300.00 dan maksima RM200.00 bagi keluarga ahli bagi satu-satu tahun semasa.	Pengerusi Jawatankuasa TKIKT
		Pesakit luar	Perbelanjaan sebenar rawatan atau maksima RM300.00 bagi ahli dan maksima RM200.00 bagi keluarga di hospital kerajaan.	Pengerusi Jawatankuasa TKIKT
3.	Sumbangan Pengajian Tinggi		Diploma: RM500.00 Ijazah Sarjana Muda: RM800.00	Tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa TKIKT dan kelulusan Lembaga
4.	Bantuan – bantuan lain			Tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa TKIKT dan kelulusan Lembaga

